

5 universiti terima geran penyelidikan dari SKMM

Subang Jaya: Lima universiti tempatan menerima geran penyelidikan berjumlah di antara RM70,000 sehingga RM200,000 dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menjalankan pelbagai kajian berkaitan penggunaan media baru, termasuk kesannya kepada masyarakat.

Tempoh kajian yang ditetapkan kepada setiap penyelidik adalah dari 12 bulan sehingga 24 bulan.

Universiti terbabit adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Heriot-Watt Universiti Malaysia.

Ketua Pegawai Peraturan Industri dan Pengawasan SKMM Toh Swee Hoe berkata, cabaran media baru seperti laman sosial Facebook (FB) dan Twitter me-

merlukan kajian daripada segenap aspek supaya orang ramai tahu kesan dan kaedah mengawalnya secara berhemat.

Menurutnya, SKMM sedar mengenai keperluan media baru kepada pengguna masa kini dan sentiasa komited untuk mendidik mengenai keselamatan dan tanggungjawab ketika menggunakan Internet.

“Rakyat Malaysia adalah antara yang paling suka bersosial di dunia. Menurut statistik SKMM pada 2012, Malaysia mempunyai 18.6 juta pengguna Internet dan 15.7 juta daripadanya adalah pengguna FB, dan baki 2.7 juta adalah pengguna Twitter.

“Instagram juga tidak kurang popular di mana menurut Socialbakers, Malaysia merupakan negara ke-14 tertinggi di dunia,” katanya ketika berucap pada Seminar Penyelidikan Jaringan Media Baru 2014, di sini, semalam.

FAKTA
*Terima geran
penyelidikan
RM70,000
dan RM200,000*